

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
KAWASAN : JELUTONG
TARIKH : 24 MAC 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN (JELUTONG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tentang projek infrastruktur di persimpangan Jalan Bayan Lepas dan Jalan Permatang Damar Laut menghala ke Teluk Kumbar yang bertujuan untuk mengatasi kesesakan jalan raya sesudah pembukaan Jambatan Kedua Pulau Pinang. Berikan jadual pembangunan serta status kemajuan terkini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang dijangka berlaku setelah pembukaan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Jambatan Kedua Pulau Pinang), Kerajaan Pusat telah bersetuju untuk menaik taraf 3 laluan utama di bahagian pulau.

Ini termasuklah menaik taraf Jalan Persekutuan FT06 dari Teluk Kumbar ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang di Bayan Lepas sepanjang 2.7km. Surat Setuju Terima kepada pihak kontraktor telah dikeluarkan dan kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 17 Februari 2014 dan dijangka siap dalam tempoh 30 bulan, iaitu pada 16 Ogos 2016.

Manakala 2 lagi projek lain yang akan turut dibina oleh Kerajaan Pusat untuk mengurangkan kesesakan kenderaan dari Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ialah menaik taraf Jalan Negeri 10 (P10) dari Batu Maung ke Jalan Sultan Azlan Shah (6km) dan menaik taraf Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Jambatan Pulau Pinang sepanjang 4.5km. Pembinaan kedua-dua projek ini telah dimulakan dan dijadualkan siap masing-masing pada tahun 2015 dan 2016.

Sekian. Terima kasih.